



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

01 RABIULAWAL 1448H/14 OGOS 2026M

“KELEBIHAN BULAN RABIULAWAL BULAN KELAHIRAN INSAN JUNJUNGAN YANG TERSAYANG”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod
QR ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Khatib ingin menyeru marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah orang yang paling bertakwa mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-Nya yang beruntung di dunia dan di akhirat. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah yang

bertajuk: ***“Kelebihan Bulan Rabiulawal Bulan Kelahiran Insan Junjungan yang Tersayang.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Setiap tahun, umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Rabiulawal bulan yang istimewa, bulan yang penuh berkah dan rahmat, dan bulan yang membawa kegembiraan kepada seluruh umat manusia. Mengapa? Kerana pada bulan inilah lahir seorang insan agung yang mengubah sejarah kemanusiaan, iaitu Nabi Muhammad SAW.

Pada bulan ini terdapat tiga perkara yang menjadi persoalan utama:

Pertama: Bulan Kelahiran Nabi yang Agung

Kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabiulawal merupakan peristiwa paling bermakna dalam sejarah. Baginda lahir dalam keadaan yatim, namun Allah angkat martabatnya menjadi pemimpin teragung sepanjang zaman. Baginda datang membawa cahaya hidayah yang menghapuskan kegelapan kekufuran.

Kedua: Bulan Pengiktirafan Kasih Sayang Allah

Allah memilih Baginda sebagai *Rahmatan lil 'alamin* yakni rahmat buat seluruh alam. Ini bermakna kasih sayang dan kebaikan yang dibawa oleh Baginda tidak terhad kepada umat Islam sahaja, tetapi meliputi seluruh makhluk. Allah SWT berfirman dalam surah at-Taubah, ayat 128 sepertimana yang telah dibacakan di awal khutbah sebentar tadi, **yang bermaksud:** *“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula*

menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.”

Ayat mulia ini yang dikenali sebagai *Laqod Jaakum* pada ayat 128 surah at-Taubah bukan sekadar ayat biasa, malah ayat yang mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sejarah penyusunan al-Quran. Menurut riwayat Ubay bin Ka'ab sebagaimana disebutkan dalam Tafsir al-Azhar karangan Buya Hamka. Ayat ini bersama ayat selepasnya merupakan antara ayat terakhir yang diturunkan kepada Rasulullah SAW, iaitu penutup surah at-Taubah. Ketika sayidina Abu Bakar Radiallahu'anhu membentuk kumpulan penyusunan al-Quran selepas kewafatan Baginda SAW, meskipun ramai sahabat yang menghafalnya, catatan bertulis ayat ini hanya ditemui pada dua orang sahaja Khuzaimah bin Tsabit Radiallahu'anhu dan Abu Khuzaimah Radiallahu'anhu.

Ketiga: Bulan Muhasabah Diri dan Islah Diri.

Para ulama turut berbeza pendapat sama ada ayat ini diturunkan di Makkah atau Madinah. Kerana Rasulullah SAW wafat sebelum sempat menyusun kedudukan akhir surah at-Taubah, maka penempatannya diserahkan kepada ijtihad para khalifah, sehinggalah sayidina Uthman bin Affan Radiallahu'anhu memutuskan meletakkannya di penghujung surah tersebut berdasarkan catatan yang diterima oleh Zaid bin Tsabit Radiallahu'anhu. Selain kedudukannya yang istimewa dalam sejarah, ayat ini juga disebutkan mempunyai kelebihan yang besar apabila diamalkan. Dalam sebuah hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu as-Sunni daripada Abu Darda' Radiallahu'anhu, Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud**, *“sesiapa yang membaca pada waktu pagi dan petang zikir "Hasbiyallahu la ilaha illa Huwa, 'alaihi tawakkaltu wa Huwa Rabbul-'Arsyil-'Azhim" sebanyak tujuh kali, nescaya Allah akan mencukupkan*

baginya segala urusan dunia dan akhirat." Keterangan ini turut dinukilkan dalam ad-Durrul Mantsur dan Tafsir Ibnu Katsir.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Oleh sebab itulah, ayat terakhir surah at-Taubah ini sering dijadikan amalan wirid oleh sebahagian ulama selepas solat fardu, dengan harapan memperoleh kemudahan hidup, keluasan rezeki, serta kelapangan dalam setiap urusan. Namun begitu, apa jua fadilat dan kelebihan sesuatu ayat atau amalan, yang paling utama tetap terletak pada maksud dan menghayati kandungannya. Ayat ini mengajar kita betapa besarnya kasih sayang Rasulullah SAW kepada umatnya. Baginda berat menanggung kesusahan kita, baginda inginkan keimanan dan keselamatan buat kita, dan baginda amat penyayang serta pengasih kepada umatnya. Maka sewajarnya kecintaan kita kepada Baginda turut dibuktikan dengan mengikuti sunnahnya, bukan sekadar mengharap fadilat bacaan semata-mata.

Kedatangan bulan Rabiulawal ini sewajarnya mengingatkan kita untuk memperbanyakkan selawat ke atas Baginda SAW, mengkaji sirah kehidupan Baginda SAW, dan mengambil ibrah dari setiap peristiwa dalam hidup Baginda. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *"Barang siapa yang berselawat kepadaku satu kali, Allah akan berselawat kepadanya sepuluh kali."* (Riwayat Muslim)

Bukannya sekadar berhibur, tetapi mempertingkatkan amalan dan kecintaan kepada Baginda. Sebahagian ulama turut menyebut, sebagaimana dinukilkan dalam sesetengah kitab, bahawa turunnya ayat ini dikawal oleh sejumlah besar barisan malaikat suatu petanda kemuliaannya yang luar biasa di sisi Allah SWT. Cinta kepada Nabi SAW bukan sekadar kata-kata. Kecintaan mesti dibuktikan melalui

memperbanyakkan selawat, mengamalkan sunnah, serta menyebarkan kebaikan sebagaimana Baginda mewariskan dakwah melalui akhlak yang mulia.

Semoga kedatangan bulan Rabiulawal ini mengembalikan kecintaan kita kepada Baginda, memperkuat ikatan iman, dan menjadikan kita umat yang benar-benar mengikuti jejak langkah Baginda. Firman Allah SWT melalui surah Ali 'Imran, ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, kurniakanlah kami rezeki untuk sentiasa mengikuti sunnahnya, berpegang teguh dengan petunjuknya, meneladani akhlaknya yang mulia dalam kehidupan seharian kami, sehingga kami bertemu dengan-Mu dalam keadaan redha dan diredhai.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya *Qadiyal hajat*, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com